

**TREND KAJIAN KAEDAH KONTEMPORARI  
PEMBELAJARAN AL-QURAN:  
SOROTON DARI TAHUN 2019 HINGGA 2023**

**TRENDS IN THE STUDY OF CONTEMPORARY  
METHODS OF QURANIC LEARNING:  
A REVIEW FROM 2019 TO 2023**

**Nuril Ham Al Hafizah Zahari\***

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

\*Corresponding author. Emel: [nurilham.alhafizah@gmail.com](mailto:nurilham.alhafizah@gmail.com)

**Sharifah Norshah Bani Syed Bidin**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Emel: [sharifahns@unisza.edu.my](mailto:sharifahns@unisza.edu.my)

**ABSTRAK**

Pendekatan pembelajaran al-Quran telah melalui evolusi seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. Berdasarkan hal tersebut, maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan bagi memastikan pembelajaran al-Quran kepada pelajar dapat disampaikan kepada pelajar dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi tujuan untuk melakukan tinjauan literatur terhadap trend penyelidikan yang berkaitan dengan kaedah kontemporari pembelajaran al-Quran dari tahun 2019 hingga 2023. Artikel-artikel berkaitan kaedah pembelajaran al-Quran telah dikenal pasti melalui saringan di pangkalan data MyJurnal dan kemudian, disaring lagi untuk mendapatkan artikel berkaitan kaedah kontemporari pembelajaran al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai inovasi dan adaptasi dalam pendekatan pembelajaran al-Quran yang mencerminkan usaha untuk menyesuaikan kaedah tradisional dengan keperluan semasa. Justeru, dengan memahami perkembangan terkini

kaedah pembelajaran al-Quran, kajian ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang pendidikan al-Quran. Selain itu, kajian ini turut dapat menjadi rujukan kepada para pendidik serta penyelidik untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pembelajaran al-Quran pada masa hadapan.

**Kata Kunci:** Trend kajian, Kaedah kontemporari, Pembelajaran al-Quran, Analisis kaedah pembelajaran, Inovasi pendidikan.

### ABSTRACT

This study examines recent developments in approaches to Qur'anic learning, which have evolved in response to contemporary circumstances and educational demands. Drawing on a literature review of articles published between 2019 and 2023, retrieved through a targeted search of the MyJurnal database, this research identifies a range of contemporary Qur'anic learning methods. The findings highlight numerous innovations and adaptations aimed at integrating traditional pedagogical techniques with modern educational needs and technologies. By illuminating current trends, this study not only contributes to ongoing discourse within the field of Qur'anic education but also provides educators and researchers with insights to further enhance the effectiveness of Qur'anic learning in the future.

**Keywords:** Research Trends, Contemporary Methods, Quranic Learning, Analysis of Learning Methods, Educational Innovation.

### 1. PENDAHULUAN

Pembelajaran Al-Quran telah mengalami kemajuan yang signifikan dalam pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kaedah kontemporari pembelajaran Al-Quran mengalami pelbagai inovasi yang tidak semata-mata bergantung kepada teknologi, tetapi juga kepada kaedah pembelajaran yang lebih efektif. Maka, kajian ini memberi tumpuan kepada trend penyelidikan dari tahun 2019 hingga 2023 yang menonjolkan pendekatan kontemporari dalam pembelajaran al-Quran.

Selari dengan perkembangan zaman, muncullah pelbagai kaedah pembelajaran al-Quran terbaru namun masih berpaksi kepada *talaqqi* dan *musyafahah*. Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* merupakan kaedah asas dalam pembelajaran al-Quran dan dianggap sebagai satu-satunya kaedah tradisi yang masih dikekalkan untuk mempelajari al-Quran kerana keberkesanannya dalam meningkatkan penguasaan al-Quran<sup>1</sup>. Kemunculan kaedah-kaedah ini bertujuan untuk memudahkan pelajar mempelajari al-Quran dan mencapai tahap penguasaan optimum.

Antara kaedah pembelajaran al-Quran yang wujud adalah Baghdadiyah, Qiraati, Iqra', al-Matien, dan al-Baghdadi. Kaedah-kaedah ini merupakan kaedah pembelajaran tilawah al-Quran dan dalam masa yang sama merangkumi kaedah pembelajaran tajwid. Dalam kaedah pembelajaran tahfiz pula, terdapat antaranya *tikrar*, *tasmik*, *taqsim*, *murajaah*, *kitabah* dan *ziyadah*. Manakala dalam kaedah pembelajaran *tadabbur*, terdapat kaedah seperti merenung dan menghayati<sup>2</sup>, praktik makhraj dan sifat, serta penelitian waqaf dan *ibtida'* yang perlu difokuskan oleh pelajar<sup>3</sup>.

Seiring dengan perkembangan teknologi pula, kaedah pembelajaran al-Quran juga turut tidak ketinggalan dalam mengejar arus teknologi. Dengan perkembangan ini, muncul pelbagai aplikasi pembelajaran al-Quran sama ada secara dalam talian atau luar talian. Terdapat perisian atau aplikasi yang hanya mendigitalkan dan membuat sedikit inovasi pada modul kaedah pembelajaran al-Quran sedia ada seperti *Belajar Iqra' Dengan Audio* (2024). Namun, tidak kurang juga yang mencipta kaedah baharu pembelajaran al-Quran berasaskan teknologi interaktif seperti *Quran Word to Word, Vocabulary* (2024).

Walau terdapat banyak kaedah pembelajaran al-Quran, namun tidak semuanya sempurna untuk memberi keberkesanan pembelajaran kepada individu. Setiap pendekatan mempunyai cabaran tersendiri dan kerana itulah setiap kaedah sentiasa berevolusi untuk penambahbaikan. Justeru, kajian trend kaedah pembelajaran al-Quran ini dibuat untuk melihat inovasi dan adaptasi dalam pendekatan pembelajaran al-Quran yang mencerminkan usaha untuk menyesuaikan kaedah tradisi dengan keperluan semasa agar dapat mencapai tujuan pendidikan Islam yang holistik.

## 2. KAJIAN LITERATUR

<sup>1</sup> Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar dan Nor Hafizi Yusof, "Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran al-Quran," *Malaysian Journal for Islamic Studies* 3, no 1 (2019): 34.

<sup>2</sup> Syaukani, Neliwati, dan Muhammad Ruslan, "Quarantine Tahfiz al-Quran Program (Study Analysis in Inlight Quranic Center, Baitul Quran, and Tahfiz Quran Foundation al-Fawwaz Medan)," *Edu-Riligia: Jurnal Ilmu Pendidikan Islam dan Keagamaan* 3, no. 4 (2019): 527.

<sup>3</sup> Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak, dan Haziyah Hussin, "Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz al-Quran," *TAMU: Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6, no 2 (2020): 21.

Pembelajaran Al-Quran telah mengalami evolusi yang signifikan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dengan kajian-kajian yang memberi tumpuan kepada kaedah kontemporari yang menggabungkan elemen tradisi dan teknologi moden. Dalam bidang tilawah, Norhisham Muhamad et al.<sup>4</sup> menekankan kepentingan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran *al-Qur'an wa al-Hifz* bagi menguasai pembacaan dan memahami isi kandungan serta pendidikan yang terdapat dalam al-Quran. Hal ini berikutan kaedah ini menekankan mempelajari bacaan Al-Quran secara langsung dari guru. Kaedah pembelajaran al-Quran yang diwarisi daripada baginda Nabi SAW ini tetap diakui sebagai asas dalam pembelajaran al-Quran walaupun berlaku perubahan masa dan teknologi pembelajaran al-Quran<sup>5</sup>.

Tajwid merupakan salah satu ilmu yang sangat penting untuk dipelajari oleh setiap Muslim bagi membolehkan mereka membaca al-Quran dengan betul. Bagi mencapai matlamat ini, pelajar mesti benar-benar menguasai ilmu tajwid secara teori dan amali agar dapat membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan dalam masa yang sama, mengelak daripada kesalahan bacaan. Oleh yang demikian, guru perlu menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi membangkitkan minat pelajar untuk belajar tajwid<sup>6</sup>.

Kajian dalam bidang tahfiz pula menunjukkan keberkesanan pendekatan integratif yang menggabungkan hafalan dengan pemahaman makna ayat. Muhammad Syafee Salihin Hasan et al.<sup>7</sup> menjelaskan bahawa ketiadaan kaedah sistematik dalam mengulang dan pelajar menghafal dengan tidak memahami ayat al-Quran akan memberi cabaran besar kepada hafazan al-Quran. Justeru, guru perlu mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah tersebut dengan menekankan juga kepada *fiqh al-ayat* bagi membantu pelajar mengingat ayat-ayat hafazan atau susunan ayat yang dihafal<sup>8</sup>.

---

<sup>4</sup> Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman, dan Fatin Ardani Zamri, "Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran al-Quran Wa al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak," *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4, no. 32 (2019): 281.

<sup>5</sup> Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar, dan Nor Hafizi Yusof, "Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran al-Quran," *Malaysian Journal for Islamic Studies* 3, no. 1 (2019): 34.

<sup>6</sup> Hamir Hamzah Jaafar dan Mohamad Hilmi Mat Said, "Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid," *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 6, no. 1 (2019): 9.

<sup>7</sup> Muhammad Syafee Salihin Hasan, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mardhiah Yahaya, Muhammad Hafizan Abd Hamid, dan Zur'ain Harun, "Pengukuhan Hafazan al-Quran: Cabaran dan Penyelesaian," *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari* 5, no. 2 (2022): 36-37.

<sup>8</sup> Siti Salma Mohamad Shokri dan Syafawati Salihan, "Modul Pembangunan Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional: Satu Pemerhatian Kepada Konstruksi Pembangunan al-Quran," *Firdaus Journal* 3, no. 2 (2023): 23.

Dalam konteks tadabbur, Mohd Faizulamri Mohd Saad et al.<sup>9</sup> menekankan fokus dalam kemahiran mentadabbur ayat al-Quran, iaitu melatih kaedah kemahiran sebutan huruf dan tajwid, kaedah memahami kalimah-kalimah al-Quran dan makna ayat secara menyeluruh, kaedah penelitian waqaf dan *ibtida'*, kaedah beramal dengan ayat al-Quran semasa menghafaz al-Quran dan kaedah pemilihan bahan bantu tadabbur yang bersesuaian. Hal ini penting dilakukan bagi membantu pelajar yang menghafaz al-Quran untuk tadabbur al-Quran semasa proses hafazan dijalankan.

Dalam hal ini, Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar et al.<sup>10</sup> menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) kontemporari memerlukan inovasi dan kreativiti dalam sistem pendidikannya. Antara PdP kontemporari adalah pembelajaran berasaskan permainan. Seperti contoh, pelaksanaan *Fan-Q Board Game* yang menekankan topik akhlak, kisah haiwan, rukun iman, niat solat, dan zikir berpotensi tinggi dalam menyampaikan Pendidikan Islam kerana kemampuannya dalam meningkatkan kemahiran pelajar untuk menguasai kemahiran bercakap, menghafal, mengingat dan mengaplikasi. Perkara ini selari dengan Zainora Daud et al.<sup>11</sup> yang mengaplikasikan permainan *Gamifikasi Tahfiz Global* dalam PdP hafazan al-Quran.

Secara keseluruhannya, kaedah kontemporari dalam pembelajaran Al-Quran yang menggabungkan elemen tradisi dan teknologi moden mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kualiti pendidikan Al-Quran. Pendekatan kontemporari ini mampu memenuhi keperluan pembelajaran generasi masa kini sambil mengekalkan nilai-nilai asas dalam pendidikan Al-Quran. Oleh itu, penerapan kaedah-kaedah ini dalam sistem pendidikan al-Quran dapat terus memberikan impak positif dan berkesan dalam jangka masa panjang.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan garis panduan *Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses* (PRISMA). Garis panduan ini membantu pengkaji dalam menyediakan laporan kajian sistematik dan meta-analisis dengan cara yang telus dan lengkap. Dalam konteks kajian ini, PRISMA berfungsi sebagai kerangka

<sup>9</sup> Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak, dan Haziyah Hussin, "Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz al-Quran," *TAMU: Tinta Artikylasi Membina Ummah* 6, no. 2 (2020): 17-21.

<sup>10</sup> Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar, Azarudin Awang, Norlaila Ibrahim, Nur Raihana, Mohd Sallem, dan Wan Ahmad Khusairi Wan Chek, "Perlaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Menerusi Fan-Q Board Game: Kajian Rintis di SK Sura, Terengganu," *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* 1, (2021): 14.


<sup>11</sup> Zainora Daud, Abdul Muhaimin Ahmad, Norazman Alias, dan Norhasnira Ibrahim, "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran," *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 6, (2022): 66-69.

kerja untuk memastikan bahawa kajian yang dijalankan adalah komprehensif<sup>12</sup> dan dapat direplikasi oleh penyelidik lain. Artikel-artikel terpilih dalam kajian ini dipilih berdasarkan kriteria; diterbitkan dalam jurnal akademik berwasiat, membincangkan mengenai kaedah pembelajaran al-Quran, diterbitkan dalam tempoh lima tahun terkini iaitu dari tahun 2019 hingga 2023, diindeks dalam MyJurnal, dan ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Artikel-artikel dikenal pasti melalui pangkalan data MyJurnal melalui kata kunci “al-Quran” bagi mendapatkan data. Dapatan menunjukkan terdapat 777 artikel yang dijumpai pada peringkat ini. Kemudian, artikel tersebut disaring pula dengan kata kunci “pembelajaran al-Quran” yang ditemukan 17 artikel. Kemudian, artikel-artikel ini disaring dari sudut tahun penerbitan, iaitu dari tahun 2019 hingga 2023 sahaja bagi mendapatkan data yang sahih dan relevan pada zaman kini. Pada peringkat padanan pula, artikel-artikel tersebut ditapis semula untuk memastikan kesesuaiannya dengan kajian ini. Berdasarkan tapisan tersebut, hanya terdapat 14 artikel yang menepati objektif kajian ini. Carta alir PRISMA dipaparkan dalam Rajah 1.

---

<sup>12</sup> Reanuga Manikam dan Siti Mistima Maat, “Sorotan Literatur Bersistematik: Trend *Augmented Reality* Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8, no. 1 (2023): 3.



RAJAH 1. Carta alir PRISMA

#### 4. HASIL KAJIAN

Data diekstrak daripada artikel terpilih berdasarkan dua kriteria iaitu tahun penerbitan dan kaedah pembelajaran al-Quran. Berdasarkan kriteria tersebut, sebanyak 14 artikel telah dikenal pasti menepati objektif kajian ini. Maklumat artikel-artikel tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.


JADUAL 1: Senarai artikel terpilih

Tahun	Penulis	Tajuk Kajian
2019	Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said Norhisham Muhamad et al.	Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid
	Nurul Huda Zainal Abidin et al.	Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran al-Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran al-Quran

2020	Baharudin Wahab et al. (2020)	Penggunaan Teknik B2b Untuk Meningkatkan Penguasaan Harakat Huruf Muqattaah dalam Kalangan Pelajar Kolej Matikulasi Perak
2021	Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said Rosnani Hashim  Mohd Sholeh Sheh Yusuff et al.	Pembangunan Inovasi Tajwid Yadun Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Tajwid Keperluan Pembaharuan Pedagogi Dalam Kaedah Asas Mengaji al-Qur'an: Kaedah IFTaR Tadabbur Al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah Al-Hadid
2022	Zainora Daud et al.  Nawwarah Rahiman et al.  Mohd Norhafiz Omar  Nurhamizah Jasni & Mariam Abdul Rahman	Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran Perbezaan Kaedah Tilawah Al-Quran Secara Bersemuka dan Tidak Bersemuka Dalam Kalangan Pelajar di Era Pandemik Covid-19 Dan Endemik Inovasi pengajaran & pemudahcaraan menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT AL-QURAN) untuk menarik minat pelajar menguasai Ilmu Tajwid Penguasaan Bacaan Asas al-Qur'an Menggunakan Kaedah Neuro Nadi di Brunei
2023	Azrul Hisyam Mohamad Rasidi & Muhammad Fadlly Ismail  Mohd Rizal Hussin & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas  Nurul Husna Musaddin & Hafizhah Zulkifli	Kajian Keberkesanan Iqra' Berbanding Kaedah Baghdadi, Al-Barqy dan Abahata Al-Jabari Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang Kesan Kaedah Tahsin al-Sowt (KTA) Terhadap Kemahiran Tilawah Pelajar Dewasa  Kaedah-kaedah Pengajaran Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam Mengajar Tilawah al-Quran

Berdasarkan Jadual 1, satu graf dibuat bagi menjelaskan dengan lebih terperinci trend penerbitan artikel kaedah kontemporari pembelajaran al-Quran. Rajah 2 menunjukkan graf trend penerbitan artikel berkaitan kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari sejak tahun 2019 hingga 2023. Pada tahun 2019, terdapat tiga artikel diterbitkan, diikuti oleh satu artikel pada tahun 2020, tiga pada tahun 2021, empat pada tahun 2022, dan tiga pada tahun 2023. Berdasarkan graf, dapat dilihat trend bilangan artikel menjunam pada tahun 2020, namun kembali menaik pada tahun 2021 dan berada pada tahap setara dan hampir setara sehingga pada tahun 2023.





RAJAH 2. Bilangan artikel berdasarkan tahun

Rajah 3 pula menunjukkan jumlah kajian berkaitan kaedah pembelajaran al-Quran dari tahun 2019 hingga 2023 berdasarkan tiga tema iaitu kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari secara berguru dengan tidak menggunakan teknologi, kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari secara berguru dengan menggunakan teknologi, dan kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari secara tidak berguru dengan menggunakan teknologi. Kajian mendapati bahawa kaedah pembelajaran al-Quran secara berguru dengan tidak menggunakan teknologi paling banyak dibuat kajian, iaitu sebanyak 13 kajian berbanding dengan kaedah pembelajaran al-Quran secara berguru dengan menggunakan teknologi dan pembelajaran al-Quran secara tidak berguru dengan menggunakan teknologi yang masing-masing terdapat dua kajian sahaja yang membincangkan mengenai kaedah-kaedah tersebut.



RAJAH 3. Bilangan artikel yang dianalisis berdasarkan tema

### Kaedah-kaedah Pembelajaran al-Quran Kontemporari

Trend kajian mengenai kaedah-kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari ini difokuskan kepada kajian yang membincangkan mengenai kaedah berguru dengan tidak menggunakan teknologi, berguru dengan menggunakan teknologi, dan tidak berguru dengan menggunakan teknologi. Kajian-kajian tersebut adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2. Artikel kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari

Kaedah	Penulis/Tahun	Bilangan
Berguru dengan tidak menggunakan teknologi	Nurul Huda Zainal Abidin et al. (2019), Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said (2019), Norhisham Muhamad et al. (2019), Baharudin Wahab et al. (2020), Muhammad Zulazizi Mohd Nawi & Muhammad Amirul Mohd Nor (2021), Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said (2021), Mohd Syakir Mokhtar & Mohd Farid Mohd Sharif (2021), Rosnani Hashim (2021), Nawwarah Rahiman et al. (2022), Nurhamizah Jasni & Mariam Abdul Rahman (2022), Azrul Hisyam Mohamad Rasidi & Muhammad Fadly Ismail (2023), Mohd Rizal Hussin & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas (2023), Nurul Husna Musaddin dan Hafizah Zulkifli (2023).	13
Berguru dengan menggunakan teknologi	Mohd Norhafiz Omar (2022), Nawwarah Rahiman et al. (2022).	2
Tidak berguru dengan menggunakan teknologi	Mohd Sholeh Sheh Yusuff et al. (2021), Zainora Daud et al. (2022),	2

## 5. PERBINCANGAN

Sesuatu kaedah pembelajaran dikatakan kontemporari apabila mengandungi elemen-elemen seperti pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berselang, pembelajaran terbalik, pembelajaran sendiri, gamifikasi, pembelajaran rentas, dan gaya pembelajaran VAK (visual, audio dan kinestetik)<sup>13</sup>. Pendapat ini dipersetujui oleh Taylor<sup>14</sup>, iaitu pembelajaran kontemporari atau moden ini mengandungi kaedah pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berselang, pembelajaran terbalik, dan gaya pembelajaran VAK.

Kementerian Pendidikan Malaysia<sup>15</sup> pula menambah bahawa kaedah pembelajaran kontemporari mengandungi pembelajaran koperatif, pembelajaran teradun, pembelajaran terbalik, pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*), dan pembelajaran terbeza. Hasil daripada itu, ia membantu pelajar untuk mencipta aktiviti yang membolehkan mereka bekerjasama dan belajar bersama sambil berseronok<sup>16</sup>. Maka, dalam kajian ini, perbincangannya berkisar kepada trend kajian yang membincangkan mengenai kaedah kontemporari dalam pembelajaran al-Quran iaitu kaedah berguru dengan tidak menggunakan teknologi, berguru dengan menggunakan teknologi, dan tidak berguru dengan menggunakan teknologi.

### Berguru Dengan Tidak Menggunakan Teknologi

Mohd Syakir Mokhtar dan Mohd Farid Mohd Sharif<sup>17</sup> membincangkan mengenai kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran. Perbincangan yang dikemukakan ini melibatkan sejarah dan perkembangan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Selain itu, kepentingan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* turut dibincangkan merangkumi proses pengajaran dan

<sup>13</sup> Mousumi Mondal dan Suman Chandra Roy, "Contemporary Techniques of Teaching in Education," *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)*, 9, no. 1 (2021): 4611-4612.

<sup>14</sup> Taylor, R., "Modern teaching Methods in Education in the Modern Era," *International Journal of Education Research and Review*, 10, no. 2 (2022): 1-2.

<sup>15</sup> "Kaedah dan Teknik Pembelajaran Kontemporari," Kementerian Pendidikan Malaysia, diakses pada Julai 25, 2024, <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/modulkursusinduksigurubaharu2/modul-pedagogi/kaedah-dan-teknik-pembelajaran-kontemporari>

<sup>16</sup> Divina, D. B., Miparanum, M. G. D., Pondavilla, J. F., Zita, C. T., "The Impact of Modern Teaching Strategy in Enhancing the Learning Skills of the Grade 9 Students at Holy Rosary College Foundation," *IDARAH (Jurnal Pendidikan dan Kependidikan)* 7, NO. 2 (2020): 183.

<sup>17</sup> Mohd Syakir Mokhtar dan Mohd Farid Mohd Sharif, "Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Tilawah al-Quran," *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 32, no. 1 (2021): 155-164.

pembelajaran tilawah al-Quran. Perbincangan mengenai kaedah ini turut dilakukan oleh Nawwarah Rahiman et al.<sup>18</sup>

Mereka menekankan maksud *talaqqi* dan *musyafahah*, iaitu kaedah pembelajaran secara bersemuka atau dikatakan sebagai perjumpaan secara berhadapan di antara murid dan gurunya semasa pembelajaran al-Quran berlangsung. Murid akan memerhati setiap sebutan huruf yang keluar dari mulut gurunya bagi memastikan sebutannya betul dan tepat. Kaedah ini sangat berkesan kerana dapat membantu pelajar semasa proses pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran. Perkara ini dipersetujui oleh Nurul Huda Zainal Abidin et al.<sup>19</sup>, iaitu kaedah ini juga bermaksud pelajar belajar secara bersemuka bersama dengan seorang guru yang mahir.

Dalam hal ini, Nurul Husna Musaddin dan Hafizhah Zulkifli<sup>20</sup> melihat kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* merupakan kaedah yang kerap digunakan dalam PdP al-Quran. Kaedah yang merupakan kaedah tradisi yang ada sejak zaman Nabi Muhammad SAW ini masih kekal digunakan sehingga kini walaupun terdapat kepelbagaian pengaplikasian pada kaedah ini. Hal ini berikutan ketepatannya dalam menyampaikan pembelajaran al-Quran kepada pelajar. Justeru, Norhisham Muhamad et al.<sup>21</sup> turut bersetuju bahawa *talaqqi* dan *musyafahah* sering digunakan oleh seorang guru dalam mendidik pelajar mempelajari al-Quran kerana pelaksanaan kaedah ini dapat meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran pelajar sekali gus membuktikan kepentingannya dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Kemudian, Rosnani Hashim<sup>22</sup> dalam kajiannya menganalisis pula kaedah Bahgdadiyah dari sudut pedagogi. Buku *Muqaddam Kaedah Bahgdadiyah* yang digunakan bagi menjalankan kaedah beliau terbahagi kepada dua iaitu, pertama diperkenalkan huruf hijaiyah, huruf-huruf bersambung dan berbaris, dan kedua ialah susunan ayat-ayat al-Quran juzuk ke-30 secara songsang, bermula daripada surah al-Nas hingga ke al-Naba'. Beliau berpendapat bahawa pengenalan kepada huruf hijaiyah

---

<sup>18</sup> Nawwarah Rahiman, Rahmah Hayati Musa, Siti Nabilah Mohd Ali, Syed Najihuddin Syed Hassan, dan Mohd Zahir Abdul Rahman, "Perbezaan Kaedah Tilawah al-Quran Secara Bersemuka dan Tidak Bersemuka Dalam Kalangan Pelajar di Era Pandemik Covid-19 Dan Endemik," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 9, no. 2 (2022): 88-89.

<sup>19</sup> Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar, dan Nor Hafizi Yusof, Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran al-Quran," *Malaysian Journal for Islamic Studies* 3, no. 1 (2019): 28.

<sup>20</sup> Nurul Husna Musaddin dan Hafizhah Zulkifli, "Kaedah-kaedah Pengajaran Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam Mengajar Tilawah al-Quran," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 2 (2023): 22.

<sup>21</sup> Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman, dan Fatin Ardani Zamri, "Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran Wa al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak," *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4, no. 32 (2019): 274.

<sup>22</sup> Rosnani Hashim, "Keperluan Pembaharuan Pedagogi Dalam Kaedah Asas Mengaji al-Qur'an: Kaedah Iftar," *The Online Journal of Islamic Education* 9, no. 2 (2021): 28-32.

pada awal adalah baik, namun untuk mewajibkan murid mengenal dan mengenam semua 28 huruf sebelum diperkenalkan kepada vowel pertama fathah akan menjadi masalah kerana membebankan minda pelajar. Lazimnya, pelajar akan tersekat dan buntu sehinggalah mengambil keputusan untuk menghafal, bukan mengenal huruf tersebut.

Beliau seterusnya membandingkan kaedah Baghdadiyah dengan kaedah Qiraati. Menurutnya lagi, kaedah Qiraati berjaya memperbaiki sedikit kaedah Baghdadiyah namun ia masih menggunakan model yang serupa. Seperti Muqaddam, buku Qiraati yang mengandungi enam jilid ini juga tidak mempunyai jadual isi kandungan dan ini menyukarkan seseorang mengetahui kandungan, susunan pelajaran dan mencari muka surat bagi isi-isi tertentu. Ini adalah kelemahan dari segi kurikulum atau sukatan pelajaran. beliau berpendapat lebih baik tajwid diajar ketika murid sedang membaca al-Quran dan diperbetulkan atau diperjelaskan kepada mereka pada ketika itu juga agar mereka lebih faham.

Seterusnya, beliau melanjutkan kajiannya terhadap kaedah Iqra' dengan mengemukakan pendapatnya bahawa Ustaz As'ad Humam memperkenalkan kaedah Iqra' untuk cuba mengatasi masalah dalam kaedah Qiraati. Namun, seperti Muqaddam dan buku Qiraati, buku Iqra' yang terdiri daripada enam jilid juga tidak mempunyai jadual isi kandungan. Kelemahan yang sama dari segi kurikulum atau sukatan pelajaran. Pelajar terus diperkenalkan dengan bunyi yang diwakili oleh setiap huruf al-Quran yang bertanda baris tanpa mengenalkannya dengan nama setiap huruf dalam al-Quran. Pelajar tidak diperkenalkan dengan istilah-istilah hukum tajwid, tetapi menekankan pembacaan yang mengaplikasikan hukum-hukum tersebut dalam bacaan sebenar. Namun begitu, Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail<sup>23</sup> mendapati kaedah yang diguna pakai dalam sistem pendidikan negara dan digunakan secara rasmi di sekolah-sekolah pada tahun 2005 di 1221 buah sekolah seluruh Malaysia ini berupaya memberi kesan signifikan kepada penguasaan murid terhadap penguasaan al-Quran.

Ada pun begitu, Rosnani Hashim<sup>24</sup> berpendapat kaedah Iqra' Fast Track Rosnani (IFTaR) berpotensi memudahkan individu yang untuk belajar membaca al-Qur'an pada peringkat mengenali semua konsonan, vokal, ejaan perkataan dan bacaan ayat. Hal ini berikutan, kaedah yang digunakan meliputi kesepaduan huruf hijaiyah dengan vokal secara bergilir-gilir. Susunan pelajaran adalah seperti bermula dengan huruf kaf dan berakhir dengan huruf hamzah, dan diselang-selikan dengan vokal.

---

<sup>23</sup> Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail, "Kajian Keberkesanan Iqra' Berbanding Kaedah Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al-Jabari Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang," *Jurnal al-Sirat* 23, no. 1 (2023): 27 & 32.

<sup>24</sup> Rosnani Hashim, "Keperluan Pembaharuan Pedagogi Dalam Kaedah Asas Mengaji al-Qur'an: Kaedah Iftar," *The Online Journal of Islamic Education* 9, no. 2 (2021): 32-34.

Selepas diperkenalkan huruf atau vokal baharu, guru akan memberi aktiviti mengeja perkataan baharu yang melibatkan huruf atau vokal tersebut dan juga semua huruf dan vokal yang telah dipelajari ditambah dengan tulisan dan *imlak*. Proses ini berterusan sehingga pelajar boleh membaca beberapa ayat daripada al-Quran, surah-surah pendek dan perbualan bahasa Arab mudah pada halaman-halaman terakhir. Hal ini terbukti apabila hasil daripada beberapa siri ujian yang dijalankan kepada pelajar, kaedah IFTaR mempunyai potensi memudahkan individu yang untuk belajar membaca al-Qur'an pada peringkat mengenali semua konsonan, vokal, ejaan perkataan dan bacaan ayat.

Kaedah Baghdadiyah dan Qiraati tidak menekankan penulisan. Justeru, Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail<sup>25</sup> membawakan kaedah yang menekankan penulisan dalam pembelajaran al-Quran, iaitu kaedah al-Barqy. Selain menekankan kaedah penulisan, *imlak*, terdapat juga permainan dan nyanyian. Teknik ini dilihat dapat menarik minat murid dengan pendekatan yang diterapkan. Latihan perguruan untuk menggunakan kaedah ini turut terlebih dahulu diberikan kepada guru. Kaedah yang direka oleh Muhadjir Sulthon ini menggunakan Struktur Analitik Sintetik (SAS) yang memudahkan murid belajar al-Quran, yang mana SAS ini juga turut diterapkan dalam kaedah al-Baghdadi yang juga dikenali sebagai Kaedah Neuro Nadi. Kaedah yang dicipta oleh Jalaluddin bin Haji Hassanuddin ini dapat mengelakkan pelajar daripada menghafal teori ilmu tajwid yang agak kompleks. Alat ketukan turut digunakan dalam pembelajaran. Perkara ini selari dengan kajian Nurhamizah Jasni dan Mariam Abdul Rahman<sup>26</sup> yang bersetuju bahawa penggunaan alat ketuk membantu pelajar membaca al-Quran dengan bertajwid dan intonasi nada yang betul, seterusnya melancarkan lagi kemahiran membaca al-Quran.

Kemudian, terdapat pula kaedah Tahsin al-Sowt yang merupakan penerapan atau pengadaptasian sebahagian daripada kaedah-kaedah yang terdapat pada kaedah Baghdadiyah, Al-Baghdadi, Iqra' dan Qiraati dengan memfokuskan pengajaran dengan memanfaatkan gabungan kurikulum *tahsin al-sowt*, tajwid dan tarannum al-Quran. Mohd Rizal Hussin dan Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas<sup>27</sup> menjelaskan bahawa kaedah ini terdiri daripada tiga fasa pembelajaran iaitu pada fasa pertama, peserta dibimbing untuk mengenal huruf, makhraj dan sifat huruf melalui latihan membaca, menulis dan melatih tubi. Pada fasa kedua pula, pelajar diajar membaca dan mempraktikkan keseluruhan hukum tajwid bermula dengan bacaan secara

<sup>25</sup> Azrul Hisyam Mohamad Rasidi dan Muhammad Fadlly Ismail, "Kajian Keberkesanan Iqra' Berbanding Kaedah Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al-Jabari Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang," *Jurnal al-Sirat* 23, no. 1 (2023): 28.

<sup>26</sup> Nurhamizah Jasni dan Mariam Abdul Rahman, "Mastering the Basic Qur'an Reading Using Neuro Nadi Method in Brunei," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 9, no. 1 (2022): 49.

<sup>27</sup> Mohd Rizal Hussin dan Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas, "Kesan Kaedah Tahsin al-Sowt (KTA) Terhadap Kemahiran Tilawah Pelajar Dewasa," *International Journal of Modern Education* 5, no. 19 (2023): 245.

menyambung huruf, kalimah dan ayat melalui bacaan surah-surah lazim dalam Juz 'Amma seperti surah al-Ikhlash, al-Falaq dan al-Nas dan lain-lain termasuk surah al-Fatihah. Akhirnya fasa ketiga, pelajar mengamalkan surah-surah lazim dengan tarannum, bermula dengan bacaan secara *murattal* menuju ke arah bacaan secara *mujawwad*.

Bagi menyelami lebih lanjut mengenai kaedah pembelajaran al-Quran, Hamir Hamzah Jaafar dan Mohamad Hilmi Mat Said<sup>28</sup> membangunkan inovasi Tajwid Yadun untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid yang melibatkan tajuk Nun Sakinah dan Tanwin. Ia dibina dengan kreatif dalam bentuk model tangan dengan menerapkan teknik mnemonik. Bagi tahap pertama, nama-nama hukum tajwid dipadankan mengikut mengikut saiz ukuran ketinggian jari bermula dengan jari yang pendek ke jari yang paling panjang. Untuk peringkat kedua, bilangan abjad huruf al-Quran sebanyak 28 huruf dibahagikan mengikut ukuran ketinggian jari bermula dengan jari yang paling pendek hingga jari yang paling panjang dengan menggunakan sistem penomboran satu hingga enam dan kosong. Kemudian tahap ketiga, dijelaskan bacaan dengung pada jari tertentu. Proses pengulangan yang berbentuk permainan ini membantu pelajar mengingat abjad huruf al-Quran. Pelajar menyebut huruf dan nama hukum setiap kali guru mengangkat jari yang berlainan.

Dalam hal ini, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Muhammad Amirul Mohd Nor<sup>29</sup> turut membuat suatu kaedah pembelajaran tajwid bagi memastikan pelajar boleh mengingat lima hukum asas tajwid dan membaca al-Quran dengan baik. Ia dikenali sebagai kaedah Jari Tangan Kanan dan merupakan inovasi daripada Kaedah Tajwid Yadun. Kaedah ini menggunakan jari tangan kanan untuk menghuraikan hukum tanwin dan nun sakinah dengan menyesuaikan pada jari dan saiz jari. Dengan teknik ini, pelajar dapat mengingat dan memahami lima hukum asas tajwid seperti *izhar halqi*, *ikhfa' hakiki*, *idgham bila ghunnah*, *idgham maal ghunnah* dan *iqlab* dengan cepat. Kaedah inovasi ini memerlukan pelajar berimajinasi dan membayangkan mengenai peranan jari jemari serta jumlah huruf hijaiyah yang ada pada jari bagi memudahkan mereka mengingat lima hukum asas tajwid. *Handout* juga diberi kepada pelajar yang bermasalah dalam mengingat sebagai rujukan dan panduan.

Akhir sekali dalam perbincangan mengenai kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari secara berguru tanpa menggunakan teknologi, terdapat satu perkara lain

---

<sup>28</sup> Hamir Hamzah Jaafar dan Mohamad Hilmi Mat Said, "Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid," *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 6, no. 1 (2019): 10-11; Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said, "Pembangunan Inovasi Tajwid Yadun Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Tajwid," *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)* 4, no. 2 (2021): 37-41.

<sup>29</sup> Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd, "Meningkatkan Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid Dalam Tilawah al-Quran," *Jurnal of Humanities and Social Sciences* 3, no. 1 (2021): 25

yang turut diberi perhatian, iaitu cara sebutan huruf *muqatta'ah*. Dalam mempelajari huruf ini, Baharudin Wahab et al.<sup>30</sup> menampilkan kaedah yang dikenali sebagai Teknik *Back to Basic* (B2B). Kaedah ini digunakan bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar tentang cara bacaan dan harakat huruf *muqatta'ah*, iaitu huruf awal yang terdapat di awal beberapa surah dalam al-Quran, seperti "Alif Lam Mim" dalam surah Al-Baqarah dan sebagainya. Kaedah ini diajar dengan pengenalan kepada 14 huruf *muqatta'ah* dalam 29 tempat di dalam al-Quran berserta cara sebutan yang betul, kemudian pelajar diperkenalkan dengan pembahagian tiga keadaan harakat huruf-huruf *muqatta'ah* iaitu satu harakat, dua harakat dan enam harakat pula diperkenalkan kepada pelajar. Hanya huruf alif dibaca dengan satu harakat dan untuk huruf lain, harakatnya bergantung kepada ejaan asal huruf tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan Teknik B2B berkesan dan mampu membantu pelajar untuk mengenal pasti bilangan harakat huruf *muqatta'ah* dan cara membacanya menurut tajwid.

### Berguru Dengan Menggunakan Teknologi

Teknologi digital dalam pembelajaran boleh dibahagikan kepada secara dalam talian dan luar talian. Dalam perbincangan mengenai kaedah pembelajaran secara berguru dengan menggunakan teknologi, pembelajaran secara dalam talian merupakan kaedah utama yang digunakan oleh guru dan pelajar kerana komunikasi dua hala yang berlaku secara langsung. Justeru, Nawwarah Rahiman et. al.<sup>31</sup> menjalankan kajian mengenai pembelajaran tilawah secara tidak bersemuka, iaitu dengan cara menggunakan teknologi digital secara atas talian dalam sesi pembelajaran bersama guru. Konsep pembelajaran secara maya ini merujuk kepada guru mengajar secara langsung melalui rangkaian media sosial daripada pelbagai aplikasi seperti *Facebook*, *Instagram*, *Telegram*, *Whatsapp*, *Skype*, *Zoom*, panggilan telefon, dan lain-lain lagi. Pengajian secara dalam talian juga mampu memberikan impak berkesan kerana guru tetap boleh menegur dan memperbaiki sebutan pelajar secara langsung sama seperti kelas bersemuka.

Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT al-Quran) yang diperkenalkan oleh Mohd Norhafiz Omar<sup>32</sup> pula merupakan satu inovasi pembelajaran tajwid yang melibatkan

<sup>30</sup> Baharudin Wahab, Wan Khairunnisa Wan Ahmad Rafaii, Nawal Shifa Haris, dan Nurshamsidar Mustafa, "Penggunaan Teknik B2B untuk Meningkatkan Penguasaan Harakat Huruf Muqatta'ah Dalam Kalangan Pelajar Kolej Matikulasi Perak," *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 18, no. 1 (2020): 45-49.

<sup>31</sup> Nawwarah Rahiman, Rahmah Hayati Musa, Siti Nabilah Mohd Ali, Syed Najihuddin Syed Hassan, dan Mohd Zahir Abdul Rahman, "Perbezaan Kaedah Tilawah al-Quran Secara Bersemuka dan Tidak Bersemuka Dalam Kalangan Pelajar di Era Pandemik Covid-19 Dan Endemik," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 9, no. 2 (2022): 88-89.

<sup>32</sup> Mohd Norhafiz Omar, "Inovasi Pengajaran & Pemudahcaraan Menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (Maharat Al-Quran) Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid," *Firdaus Journal* 2, no. 2 (2022): 79-82.



perkara asas seperti hukum nun sakinah dan tanwin (hukum lima), dan hukum *mudud* (mad). Ia turut merupakan salah satu teknologi pembelajaran al-Quran secara berguru. Pengenalan kepada aplikasi ini dibuat dengan pertama, pelajar dibimbing untuk menggunakan aplikasi ini dengan betul. Kemudian, nota tambahan yang terdapat di dalam aplikasi tersebut juga turut diperkenalkan. Seterusnya, pelajar dikehendaki mengaplikasi nota tersebut dengan kuiz atas talian yang terdapat di dalam aplikasi. Kaedah kuiz yang dibuat mampu membugarkan ingatan pelajar terhadap kefahaman tajwid yang dibaca berdasarkan nota yang terdapat di dalam aplikasi. Aplikasi Ezi-Maq yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid membantu memudahkan pelajar mempelajari ilmu tajwid sekali gus membolehkan mereka membaca al-Quran dengan tajwid yang betul.

### Tidak Berguru Dengan Menggunakan Teknologi

Seperti yang diketahui, teknologi dalam pembelajaran meliputi teknologi yang memerlukan rangkaian internet dan tanpa internet. Inovasi pembelajaran al-Quran yang dilakukan oleh Zainora Daud et al.<sup>33</sup> merupakan salah satu teknologi tanpa internet yang boleh digunakan oleh pelajar tanpa bimbingan guru. *Gamifikasi Tahfiz Global* yang diperkenalkan oleh beliau merupakan kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran. Ia merupakan salah satu bahan mengajar untuk memudahkan para huffaz mengukuhkan hafazan dengan berkonsepkan gamifikasi atau permainan yang lebih inovatif dan efektif bertemakan pendidikan tahfiz. GTG merupakan produk papan permainan Islamik pertama di Malaysia yang berasaskan mashaf al-Quran serta sukatan subjek Pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah di bawah subtopik al-Quran dan tajwid. Pemain boleh memilih untuk bermain menggunakan kad tasmik daripada mana-mana juzuk 1 hingga 30 sepanjang permainan. Mereka juga bebas memilih sama ada ingin bermain satu, dua, atau kesemua Juzuk 1-30. Pelajar turut diberi pilihan untuk memilih soalan yang mempunyai aras berbeza. Ganjaran maksimum yang telah berjaya dikumpul merupakan ukuran bagi kejayaan dalam GTG ini. Hasil daripada pengujian, persepsi pelajar terhadap *Gamifikasi Tahfiz Global* dan penggunaannya dalam subjek Muraja'ah al-Quran berada pada tahap yang baik.

Untuk kaedah pembelajaran tanpa berguru dengan menggunakan teknologi dan memerlukan talian internet pula setidak-tidaknya untuk memuat turun aplikasi, Mohd Sholeh Sheh Yusuff et. al.<sup>34</sup> telah membuat kajian terhadap aplikasi Quran Tadabbur

<sup>33</sup> Zainora Daud, Abdul Muhaimin Ahmad, Norazman Alias, dan Norhasnira Ibrahim, "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran," *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 6, (2022): 66-68.

<sup>34</sup> Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Yusuf Haji-Othman, dan Nurul Husna Mat Isa, "Tadabbur al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah al-Hadid," *Jurnal Dunia Pengurusan* 3, no. 1 (2021): 145-147.

Digital, iaitu aplikasi tadabbur al-Quran yang memfokuskan kepada tadabbur surah al-Hadid. Kandungannya menggunakan tafsir Ibn Kathir tetapi tidak memasukkan pengenalan surah, riwayat hadith yang berkaitan dengan surah, dan pengkhususan makna kalimah tertentu dalam surah seperti mana yang terdapat dalam Tafsir Ibn Kathir. Ayat al-Quran diterjemahkan kepada maksud yang mudah difahami dan ayat-ayat al-Quran dikelompokkan kepada beberapa bahagian atau skop yang lebih kecil. Tadabbur juga menerusi kalimah per kata, iaitu pengguna boleh mentadabbur kalimah demi kalimah yang terdapat dalam surah. Hal ini berikutan, setiap kalimah diceraikan dan diterjemahkan satu demi satu. Akhir sekali, pengguna turut diberi panduan strategi mentadabbur al-Quran dengan sebenar. Aplikasi ini memudahkan pengguna mengaksesnya tanpa mengira masa dan tempat. Keadaan ini menjadi suatu langkah yang baik untuk mendekatkan masyarakat kepada al-Quran.

## **KESIMPULAN**

Kajian mengenai kaedah kontemporari pembelajaran Al-Quran dari tahun 2019 hingga 2023 menunjukkan perkembangan yang signifikan dalam pendekatan pengajaran yang lebih efektif dan holistik. Dengan menggabungkan elemen pembelajaran secara berguru dan teknologi moden yang bersesuaian, pendekatan kontemporari ini mampu memenuhi keperluan pembelajaran generasi masa kini sambil mengekalkan nilai-nilai asas dalam pendidikan al-Quran. Kepelbagaian kaedah pembelajaran yang digunakan oleh guru dan pelajar dalam meningkatkan pencapaian al-Quran pelajar dan diri sendiri ditunjukkan melalui 14 artikel yang dikaji, iaitu kajian mendapati bahawa terdapat 13 penyelidik yang mengkaji mengenai kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari secara berguru dengan tidak menggunakan teknologi, serta masing-masing dua penyelidik membahaskan mengenai kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari secara berguru dengan menggunakan teknologi dan tidak berguru dengan menggunakan teknologi. Kajian mengenai kaedah-kaedah ini ramai dilakukan oleh penyelidik pada tahun 2019 iaitu sebanyak tiga kajian, kemudian menurun kepada satu kajian sahaja pada tahun 2020. Namun, jumlah kajian seperti ini meningkat daripada tiga kajian pada tahun 2021 kepada empat kajian pada tahun 2022 dan kembali menurun kepada tiga kajian pada tahun 2023. Penurunan ini tidak ketara dan membuktikan bahawa para penyelidik sentiasa komited untuk mengkaji mengenai kaedah-kaedah terkini dalam pembelajaran al-Quran bagi memastikan orang ramai, khususnya para pelajar dapat menguasai bidang al-Quran. Natijahnya, penerapan kaedah-kaedah terkini dalam sistem pendidikan al-Quran juga dapat memberikan impak positif dan berkesan dalam jangka masa panjang.

## PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan diberi kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas tajaan dana penyelidikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), nombor projek (FRGS/2023/SSI13/UNISZA/02/1).

## RUJUKAN/ REFERENCES

- [1] AimCrafters Software Pvt Ltd, "Quran Word to Word, Vocabulary." Diakses pada Julai 25, 2024, di <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.aimcrafters.quranwtow&hl=en>
- [2] Ant Bee Dev, "Belajar Iqra' Dengan Audio." Diakses pada Julai 25, 2024, di <https://play.google.com/store/apps/details?id=id.antbeedev.BelajarIqra&hl=en>
- [3] Azrul Hisyam Mohamad Rasidi, dan Muhammad Fadlly Ismail. "Kajian Keberkesanan Iqra' Berbanding Kaedah Baghdadi, al-Barqy dan Abahata al-Jabari Terhadap Kemenjadian Murid di Daerah Pekan Pahang." *Jurnal al-Sirat* 23, no. 1 (2023): 25-41.
- [4] Baharudin Wahab, Wan Khairunnisa Wan Ahmad Rafaii, Nawal Shifa Haris, dan Nurshamsidar Mustafa. "Penggunaan Teknik B2B Untuk Meningkatkan Penguasaan Harakat Huruf Muqattaah Dalam Kalangan Pelajar Kolej Matikulasi Perak." *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 18, no. 1 (2020): 37-51.
- [5] Divina, D. B., Miparanum, M. G. D., Pondavilla, J. F., dan Zita, C. T. "The Impact of Modern Teaching Strategy in Enhancing the Learning Skills of the Grade 9 Students at Holy Rosary College Foundation." *IDARAH (Jurnal Pendidikan dan Kependidikan)* 7, no. 2 (2020): 183-196.
- [6] Hamir Hamzah Jaafar, dan Mohamad Hilmi Mat Said. "Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid." *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 6, no. 1 (2019): 8-17.
- [7] Hamir Hamzah Jaafar, dan Mohamad Hilmi Mat Said. "Pembangunan Inovasi Tajwid Yadun Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Tajwid." *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)* 4, no. 2 (2021): 32-44.
- [8] Kementerian Pendidikan Malaysia, "Kaedah dan Teknik Pembelajaran Kontemporari." Diakses pada Julai 25, 2024, di <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/modulkursusinduksigurubaharu2/modul-pedagogi/kaedah-dan-teknik-pembelajaran-kontemporari>

- [9] Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak, dan Haziyah Hussin. "Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz al-Quran." *TAMU: Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6, no. 2 (2020): 15-23.
- [10] Mohd Norhafiz Omar. "Inovasi Pengajaran & Pemudahcaraan Menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (Maharat Al-Quran) Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid." *Firdaus Journal* 2, no. 2 (2022): 79-88.
- [11] Mohd Rizal Hussin, dan Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. "Kesan Kaedah Tahsin al-Sowt (KTA) Terhadap Kemahiran Tilawah Pelajar Dewasa." *International Journal of Modern Education* 5, no. 19 (2023): 241-253.
- [12] Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Yusuf Haji-Othman, dan Nurul Husna Mat Isa. "Tadabbur al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah al-Hadid." *Jurnal Dunia Pengurusan* 3, no. 1 (2021): 142-149.
- [13] Mohd Syakir Mokhtar, dan Mohd Farid Mohd Sharif. "Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Tilawah al-Quran." *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 32, no. 1 (2021): 153-174.
- [14] Mousumi Mondal, dan Suman Chandra Roy. "Contemporary Techniques of Teaching in Education." *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)* 9, no. 1 (2021): 4609-4613.
- [15] Muhammad Syafee Salihin Hasan, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mardhiah Yahaya, Muhammad Hafizan Abd Hamid, dan Zur'ain Harun. "Pengukuhan Hafazan al-Quran: Cabaran dan Penyelesaian." *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari* 5, no. 2 (2022): 34-40.
- [16] Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, dan Muhammad Amirul Mohd Nor. "Meningkatkan Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid Dalam Tilawah al-Quran." *Jurnal of Humanities and Social Sciences* 3, no. 1 (2021): 23-32.
- [17] Nawwarah Rahiman, Rahmah Hayati Musa, Siti Nabilah Mohd Ali, Syed Najihuddin Syed Hassan, dan Mohd Zahir Abdul Rahman. "Perbezaan Kaedah Tilawah al-Quran Secara Bersemuka dan Tidak Bersemuka Dalam Kalangan Pelajar di Era Pandemik Covid-19 dan Endemik." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 9, no. 2 (2022): 86-94.
- [18] Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar, Azarudin Awang, Norlaila Ibrahim, Nur Raihana, Mohd Sallem, dan Wan Ahmad Khusairi Wan Chek. "Perlaksanaan Pengajaran

& Pembelajaran Menerusi Fan-Q Board Game: Kajian Rintis di SK Sura, Terengganu.” *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* 1 (2021): 14-29.

- [19] Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman, dan Fatin Ardani Zamri. Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran al-Quran Wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak.” *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4, no. 32 (2019): 273-283.
- [20] Nurhamizah Jasni, dan Mariam Abdul Rahman. “Mastering the Basic Qur’an Reading Using Neuro Nadi Method in Brunei.” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 9, no. 1 (2022): 44-53.
- [21] Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar, dan Nor Hafizi Yusof. Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran al-Quran.” *Malaysian Journal for Islamic Studies* 3, no. 1 (2019): 27-35.
- [22] Nurul Husna Musaddin, dan Hafizhah Zulkifli. “Kaedah-kaedah pengajaran Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam Mengajar Tilawah al-Quran.” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 2 (2023): 16-27.
- [23] Reanuga Manikam, dan Siti Mistima Maat. “Sorotan Literatur Bersistemik: Trend *Augmented Reality* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik.” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8, no. 1 (2023): 1-16.
- [24] Rosnani Hashim. “Keperluan Pembaharuan Pedagogi Dalam Kaedah Asas Mengaji al-Qur’an: Kaedah Iftar.” *The Online Journal of Islamic Education* 9, no. 2 (2021): 24-38.
- [25] Siti Salma Mohamad Shokri, dan Syafawati Salihan. “Modul Pembangunan Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional: Satu Pemerhatian Kepada Konstruksi Pembangunan al-Quran.” *Firdaus Journal* 3, no. 2 (2023): 12-23.
- [26] Syaukani, Neliwati, dan Muhammad Ruslan. “Quarantine Tahfiz al-Quran Program (Study Analysis in Inlight Quranic Center, Baitul Quran, and Tahfiz Quran Foundation al-Fawwaz Medan).” *Edu-Riligia: Jurnal Ilmu Pendidikan Islam dan Keagamaan* 3, no. 4 (2019): 523-535.
- [27] Taylor, R. “Modern Teaching Methods in Education in the Modern Era.” *International Journal of Education Research and Review* 10, no. 2 (2022): 1-2.

- [28] Zainora Daud Abdul Muhaimin Ahmad, Norazman Alias, dan Norhasnira Ibrahim. "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran." *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 6, (2022): 62-78.